

TAWARAN BIASISWA YT-TI YOUNG TALENT SCHOLARSHIP PROGRAMME

PERINGKAT IJAZAH PERTAMA (LEPASAN STPM / STAM / ASASI / MATRIKULASI ATAU SETARAF)

SYARAT PERMOHONAN

A. SYARAT UMUM

- a. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Negeri Terengganu di mana salah seorang ibu atau bapa pemohon berkenaan lahir di Negeri Terengganu.
- b. Pemohon dan/atau ibu/bapa bukan rakyat Terengganu tetapi bermastautin selama 10 tahun atau lebih boleh juga memohon dengan menyertakan Sijil Kerakyatan atau surat akuan bermastautin.
- c. Ibu/bapa dan/atau pemohon mestilah mendaftar sebagai pemilih/pengundi di Negeri Terengganu.
- d. Keutamaan kepada pemohon dari keluarga berpendapatan rendah (B40).
- e. Keutamaan calon yang mempunyai rekod pencapaian ko-kurikulum yang baik sekurang-kurangnya di peringkat negeri / kebangsaan.

B. SYARAT KHUSUS

a. Tawaran Pengajian

Telah mendapat tawaran/tempat mengikuti pengajian di Universiti Awam dalam negara yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

b. Lulusan Program Persediaan (Asasi / Matrikulasi atau Setaraf)

Telah lulus dengan cemerlang (CGPA 3.75 ke atas) dalam peperiksaan program persediaan (Asasi/Matrikulasi atau setaraf) DAN lulus SPM dengan mendapat Gred B+ dalam lapan (8) mata pelajaran termasuk mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta minimum Band 3 dalam peperiksaan MUET.

c. Lulusan STPM / STAM

Lulus dengan cemerlang (CGPA 4.00 / Mumtaz) dalam peperiksaan STPM / STAM dan memperolehi Gred A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik dalam peperiksaan SPM serta minimum Band 3 dalam MUET.

d. Bidang Pengajian yang diperlukan Sahaja akan terpilih iaitu:-

- i. Pengurusan Kesihatan dan Fisioterapi
- ii. Pengurusan Perniagaan.
- iii. Maritim dan logistic
- iv. Komputer Sains
- v. Kejuruteraan
- vi. Pengajian Pertanian dan alam sekitar.
- vii. Ukur Bahan (quantity surveying)

KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi pautan <https://ytpenajaan.terengganu.gov.my/login>

Permohonan mesti dilengkapi dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

UJIAN BERTULIS & TEMUDUGA

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menduduki Ujian Bertulis & Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

KEPUTUSAN TAWARAN

Penawaran biasiswa kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan berdasarkan kouta, merit, temuduga dan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.